



1. Sebut harga adalah dibukakan kepada semua Kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- a) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.
- b) Kontraktor dan pembekal yang menyertai Sebut Harga bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan [E & P] iaitu P01, P05, E01, E03 dan KPME02.
- c) Kontraktor dan pembekal yang menyertai Sebut Harga binaan bangunan mestilah mempunyai Lesen dalam kerja-kerja bangunan (KPB) iaitu KA01 dan B01 dan Lesen Pembina Builders License menurut Seksyen 43 Perintah Kawalan Bangunan, 2014 Building Control Order, 2014 yang menghendaki mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti pembinaan hendaklah mendapatkan Lesen Pembinaan.
- d) Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran Mekanikal atau Bengkel mestilah mempunyai Lesen Pembekal [M & P] iaitu M01, M02 dan M03, P05 Kementerian Pembangunan serta Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut Harga-Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan/pembekal/pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen Sebut Harga.

**Tajuk Tawaran**

Term Contract For Foam Tender Fire Trucks Maintenance Services  
And S.O.R Spare Parts Services, Department Of Civil Aviation  
AME / 2024 – 2027 / SH-37  
(Kelas I dan II)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**

26 Jun 2024, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**

30 Julai 2024, Selasa tidak lewat jam 2.00 Petang

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**

31 Julai 2024, Rabu

**Kepada:**

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam**

3. Sebut Harga-Sebut Harga hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 02.00 petang, pada hari Rabu, 31 Julai 2024. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan Sebut Harga bolehlah dilihat melalui laman *website* <http://www.dca.gov.bn>

5. Bagi Sebut Harga yang dibukakan semula *retender*, mana-mana syarikat yang pernah membeli dokumen projek hendaklah membawa bersama resit pembayaran yuran Sebut Harga bagi Sebut Harga asal semasa waktu-waktu bekerja biasa bagi mendapatkan dokumen *retender* untuk pertimbangan dikecualikan dari pembayaran yuran kali kedua.

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat Sebut Harga dikehendaki memperolehi dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar yuran dokumen sebanyak BND10.00 (*hardcopy*) - tidak dikembalikan bagi setiap Sebut Harga dan pembayaran Sebut Harga diterima pada waktu bekerja seperti berikut:

**Isnin hingga Khamis  
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi  
Dan  
2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

**Sabtu  
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**

7. Yuran Sebut Harga tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima Sebut Harga-Sebut Harga yang rendah atau lain-lain Sebut Harga.

9. Sesi taklimat Sebut Harga (*briefing*) seterusnya lawatan ke tapak (*site visit*) bagi Sebut Harga akan diadakan seperti berikut:

**Pada : 11 Julai 2024 (Khamis) dan 13 Julai 2024, (Sabtu)  
Jam : 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
atau  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

**Tempat berkumpul :  
Dewan Serbaguna  
Bangunan Kejuruteraan dan Pemeliharaan Aset  
Jabatan Penerbangan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**